



MEMO

**PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)
BATU PAHAT, JOHOR DARUL TA'ZIM
JABATAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Ruj Fail : ADTEC/BP/700 – 1/1 ()

Tarikh : 9.3.2022.

PERKARA	LARANGAN PERLAKUAN BERDUA-DUAAN BERLAINAN JANTINA DAN TIDAK BERMORAL PELAJAR ADTEC BATU PAHAT DI DALAM/LUAR KAWASAN INSTITUT DAN KAWASAN ASRAMA.	
DARIPADA	Pengarah	SALINAN : 1. TP(L) 2. TP(O) 3. Semua KJ 4. P.Pengarah BKKL/BPPA 5. MPP
KEPADA	PP BPPL Semua Ketua Bahagian Penolong Pengurus Asrama Ketua Warden/ Warden	

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan semua pelajar ADTEC Batu Pahat adalah **dilarang** melakukan perlakuan yang tidak bermoral secara nyata atau mencurigakan dan menimbulkan syak terutama melibatkan pasangan pelajar berlainan jantina di dalam/luar kawasan ADTEC Batu Pahat dan kawasan asrama. Para pelajar juga dilarang berada di kawasan bengkel selepas waktu latihan tanpa kebenaran Ketua Bahagian.

3. Sehubungan itu, mohon semua Ketua Bahagian dan warden memantau kegiatan pelajar serta mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat pelanggaran perlakuan yang dinyatakan di atas.

4. Kerjasama dan tindakan tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

" MALAYSIA MADANI "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts. HJ. SARMAN BIN HJ. RAWAN)